0615
U 8045 DE8
MAHATHIR - SURAT

KUALA LUMPUR, 18 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU BELUM MENERIMA SURAT JAWAPAN DARIPADA ANGGOTA PARLIMEN GUA MUSANG TENGKU RAZALEIGH HAMZAH TERHADAP TAWARANNYA UNTUK MENGANGGOTAI KABINET.

MENURUT PERDANA MENTERI, SURAT JAWAPAN DARIPADA ANGGOTA PARLIMEN KOTA TINGGI DATUK MUSA HITAM TERHADAP TAWARAN YANG SAMA, JUGA BELUM DITERIMANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DITANYA MENGENAI PERKARA ITU OLEH PEMBERITA DI RUANG LEGAR BANGUNAN PARLIMEN SEBAIK SAHAJA BELIAU KELUAR SETELAH MENGHADIRI SESI SOAL-JAWAB PADA PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT.

TENGKU RAZALEIGH, YANG DITAWARKAN JAWATAN MENTERI TIDAK BERPOTFOLIO, DILAPORKAN BERKATA DI MUAR DUA HARI LEPAS BAHAWA BELIAU AKAN MENGHANTAR SURAT JAWAPAN BERKENAAN SEMALAM SERTA MENYERAHKAN KEPADA PERDANA MENTERI UNTUK MENGUMUMKAN KANDUNGANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBUAT TAWARAN JAWATAN MENTERI TIDAK BERPOTFOLIO KEPADA TENGKU RAZALEIGH DAN DATUK MUSA, DALAM UCAPANNYA PADA AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA 30 OKT. -- BERNAMA.
1623MST 18 11 88